

Struktur Adat Perpatih

Luak Gemencheh

Oleh:

Dato' Hj. A. Rahman Abas

(Dato' Orang Kaya Setiawan)
Luak Gemencheh

DATO' HAJI AB RAHMAN BIN ABAS
DATO' ORANG KAYA SETIAWAN LUAK GEMENCHEH
PENGHULU PUSAKA LUAK GEMENCHEH
KAMPUNG SUNGAI JERNEH GEMENCHEH
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tarikh: 1 November 1989

Setiausaha,
Penyelidikan Budaya,
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tuan,

**MENULIS ATAU MENCATAT HAL-HAL ADAT PERPATIH DI
LUAK/DAERAH**

Merujuk kepada surat tuan yang bertarikh, 2hb Ogos 1989 PBNS/17/89(15) dan 18hb Okt 1989, PBNS/17/89(17), di sini dicatatkan serba ringkas untuk tindakan tuan selanjutnya.

1) Di antara perkara-perkara ialah:

1.1 Nama gelaran Dato' - Dato' dari setinggi darjah kedudukan hingga ke bawah

Dato' Orang Kaya Setiawan Luak Gemencheh

(Penghulu Pusaka Luak Gemencheh)

Dato' Muda Luak Gemencheh

Dato' Shah Bandar

Dato' Laksamana

Dato' Perdana

Dato' Bangsa Balang

Dato' Maharaja Setia

Dato' Lela Raja

Dato' Mandika

Dato' Menteri

1.2 Struktur Pentadbiran.

Mengikut kata pepatah adat:

Alam Beraja

Luak Berpenghulu

Lembaga/Buapak beranak buah

Penghulu memerintah Luak

Lembaga memerintah Lingkungannya

1.3 Cara-cara Perlantikan apabila kekosongan.

Alam Beraja

Penghulu Berluak

Lembaga Berbuapak

Buapak beranak buah

Bulat sama digolek, pipih sama dilayang

Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat

Bulat anak buah melantik Buapak

Bulat buapak melantik Lembaga

Bulat Lembaga melantik Penghulu

1.4 Waris/perut yang berhak menyandang pusaka.

Penghulu	-	Biduanda Waris	
Dato' Muda	-	Biduanda Waris	(Timbalan Kepada Penghulu)
Dato' Shah Bandar	-	Mungkar Waris di Air	
Dato' Laksamana	-	Biduanda Waris	
Dato' Perdana	-	Biduanda	
Dato' Bangsa Balang	-	Tiga Nenek	
Dato' Maharaja Setia	-	Mungkar	

Dato' Lela Raja	-	Tiga Batu
Dato' Mendika	-	Semelenggang
Dato' Menteri	-	Dagang/Tiga Batu Lubuk Kepung

1.5 Peranan dan kuasa yang ada pada Dato' - Dato' Lembaga/Buapak.

Perkara 1.5, dan 1.2 tidak banyak perbezaan.

Bak kata pepatah:

Raja menebat dalam Alam

Penghulu bernobat dalam Luak

Lembaga bernobat dalam Lingkungan

Buapak bernobat pada anak buah

Anak buah bernobat dalam terataknya

1.6 Anak Buah/Waris/Perut/Suku bagi seseorang Buapak/ Lembaga.

Perkara 1.6 ini sama seperti yang disenaraikan dalam perkara 1.4 iaitu setiap Waris/Perut/Suku mempunyai satu Lembaga dan satu Buapak (Buapak adalah penolong kepada lembaga itu).

1.7 Hukum hakam dalam Adat Perpatih.

Hakikatnya adat itu adalah hukum, nyata sekali perkataan yang lazim digunakan dalam mengemukakan sesuatu pendapat misalnya: "Mengikut Adat", "Mengikut Hukum Adat", "Pada Pendapat Adat". Bila mereka tidak tahu mereka "Mencari Adat", bila mereka patuh mereka "Memelihara Adat" terdapat juga perkataan menghina seperti "Tak Tahu Adat", "Melanggar Adat", "Tak Beradat"

Jadi peraturan-peraturan inilah disesuaikan dengan kehendak peraturan hidup bersuku dan hidup atas prinsip budi dan muafakat.

Kesimpulannya, peraturan hidup ini adalah terkandung dalam perbilangan adat, "Hidup dikandung Adat", "Mati dikandung Tanah".

Adat Perpatih mengakui bahawa hukum adat ini adalah ciptaan Datuk Perpatih nan Sebatang yang diwarisi turun temurun dari nenek moyang:

“Berlulus berlembaga
Berturas berteladan
Nan di ucap dipakai
Nan di pesan dibiasakan
Turun temurun dari nenek moyang
Setakat tertentu dalam adat perpatih ada yang menguatkuasakan
Hukum-hukum ini iaitu Ketua-ketua Adat.
Raja sekeadilan
Penghulu seundang
Taki pengikat pada Lembaga
Keris penyalang daripada Undang
Padang memancung dari pada keadilan
Raja bernobat di dalam alam
Penghulu bernobat di dalam lingkungan
Buapak bernobat pada anak buahnya
Orang banyak bernobat di dalam terataknya

1.8 Pemakaian/Penggunaan Adat sesuatu majlis/kerapatan.

Pemakaian/penggunaan adat tetap dijalankan dalam luak masing-masing seperti:

Adat meminang

Nikah kahwin

Kerapatan/kejadian/kerjan

Kematian/Penghulu/Lembaga

1.9 Hal-hal Lain berkaitan dengan Adat Perpatih.

Nilai Hidup Bermasyarakat.

Dalam Adat Perpatih, nilai hidup bermasyarakat ialah nilai hidup bermuafakat. Muafakat membawa makna tujuan berbagai-bagai.

Timbang rasa.

Yang elok di awak itu

Setuju di orang hendaknya

Sakit di awak sakit di orang

Lemak di awak lemak di orang

Tolong-menolong

Berat sama dipikul

Ringan sama dijinjing

Yang tak ada sama dicari

Sama sakit sama senang

Ke bukit sama didaki

Ke lurah sama dituruni

Sama menghayun sama melangkah

Jika khabar baik diberitahu

Jika khabar buruk serentak didatangi

Jika jauh ingat mengingat

Dapat sama laba

Hilang sama rugi

Persefahaman

Bulat air kerana pemetung

Bulat manusia kerana muafakat

Faham sesuai benar seukur

Buat segolek pipih selayang

Rundingan jangan selisih

Muafakat jangan bercanggah

Tuah pada sekata

Berani pada seiya

Bahagi membahagi

Jika dapat sama berlabar

Kehilangan sama berugi

Yang ada makan bersama

Hati, gajah sama dilapah

Hati kuman sama dicecah

Banyak diberi berumpuk

Sedikit beri bercecah

Besar kayu besar bahannya

Samarata

Duduk sama rendah

Berdiri sama tinggi

Hormat menghormati

Adat perpatih menekankan bahawa dalam sesuatu masyarakat itu tidak ada orang yang tidak berguna :

Tiada tukang membuat kayu

Yang bengkok di bingkai bajak

Yang lurus tangkai penyapu

Yang setangkap kepapan tuai

Yang kecil buat pemasak

Semua orang ada harga diri, walaubagaimana daif dan cacat sekalipun

Yang buta penghembus lesung

Yang pekak pembakar bedil

Yang lumpuh penunggu rumah

Yang kuat pembawa beban

Yang bingung disuruh arah

Yang cerdik lawan berunding

Adat dan agama

Adat perpatih wujud terlebih dahulu (di Minagklabau) daripada agama Islam, adat khusus membicarakan peraturan-peraturan hidup didunia. Agama Islam membawa soal ketuhanan.

Adat menerima Islam tidak menentanginya. Pertentangan akan hanya membawa kerosakan :

Adat ke hukum mati hukum

Hukum ke adat mati adat

Kedua-duanya mempersoalkan kebaikan, kepada adat menghilangkan yang buruk, menimbulkan yang baik. Pada syarak menyuruh berbuat baik menegah berbuat jahat.

Pada masyarakat Adat Perpatih hubungan antara adat dengan agama (Syarak Islam) adalah saling lengkap melengkapi :

Adat di pakai, syarak di turut

Syarak mengata, adat memakai

Adat bersendi hukum

Hukum bersendi Kitabullah

Kuat adat tak gaduh hukum

Kuat hukum tak gaduh adat

Ibu hukum muafakat

Ibu adat muafakat

Sekian yang dapat saya selitkan untuk tatapan dan kajian tuan, terima kasih.

Sekian, terima kasih wassalam.

Yang benar,


(Dato' Haji Ab Rahman bin Abas)
Dato' Unggah Kaya Setiawan
Lukas Kemenchah
Johor
Jalan Kemunchah
04 LUAK KEMENCHAH